

konflik

konflik

AMRAN HASSAN

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2011

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amran Hassan

Konflik / Amran Hassan

Bibliografi: ms. 58-59

ISBN 978-967-5457-54-8

1. Konflik management. 2. Interpersonal conflict. 3. Conflict (Psychology).

I. Judul.

303.69

Diterbit dan dicetak oleh:

Pejabat Penerbit

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400, Parit Raja, Batu Pahat

Johor Darul Ta'zim

Tel : 07-453 7454/ 7452

Fax : 07-453 6145

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my/>

E-mel : pt@uthm.edu.my

KANDUNGAN

Penghargaan

Prakata

Bab 1 : Pendahuluan	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Konflik dijangkakan	4
1.1.1 Kehebatan pemikiran pemimpin 5	
1.1.2 Pergaduhan rumah tangga	6
1.1.3 Politik organisasi	7
1.2 Konflik tidak dijangkakan	8
1.2.1 Kehibaaan	9
1.2.2 Kejayaan	10
1.3 Kesimpulan	11
Bab 2 : Mengapa Terjadinya Konflik	13
2.0 Pengenalan	13
2.1 Punca-punca konflik	14
2.1.1 Dalam individu	14
2.1.2 Pengaruh nafsu	14
2.1.3 Pemikiran dan emosi	15
2.1.4 Egoistik manusia	16
2.2 Luaran atau persekitaran	17
2.2.1 Kurang selesa atau kurang senang	17
2.2.2 Pandangan masyarakat atau persepsi	18
2.2.3 Lokasi utama	19
2.2.4 Kecanggihan teknologi	20
2.2.5 Cuaca	21
2.2.6 Keadaan peperangan	21
2.3 Kesimpulan	22

Bab 3 : Konflik Utama Masa Kini	25
3.0 Pengenalan	25
3.1 Konflik di tempat kerja	25
3.2 Konflik kekeluargaan	28
3.3 Konflik kemasyarakatan	30
3.4 Konflik gender	32
3.5 Konflik akil baligh	34
3.6 Kesimpulan	36
Bab 4 : Contoh-contoh Kes Konflik Masa Kini	39
4.0 Pengenalan	39
4.1 Kes konflik organisasi vs dalaman individu	39
4.2 Kes konflik keluarga	42
4.3 Kes konflik gender	44
4.4 Kes konflik akil baligh	46
4.5 Kes konflik kemasyarakatan	48
4.6 Kesimpulan	51
Bab 5 : Strategi Menghadapi Konflik	53
5.0 Pengenalan	53
5.1 Berhadapan	55
5.2 Beralah	56
5.3 Memaksa	57
5.4 Berpakat	58
5.5 Menarik diri	59
5.6 Kesimpulan	60
5.7 Tip-tip menghadapi konflik	60

Bab 6 : IMPLIKASI KONFLIK PADA DIRI	63
6.0 Pengenalan	63
6.1 Kesimpulan	67
<i>Bibliografi</i>	68
<i>Biodata</i>	70

PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga kepada Ya Zal Jalaliwal Ikram, di atas anugerah minda dan juga kesihatan yang baik dalam menghasilkan penulisan yang julung kalinya dalam hidup saya selama ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya, terutama ibu tercinta, adik beradik yang tersayang dan juga semua kawan-kawan sama ada dalam negara atau luar negara dalam menyokong penghasilan sebuah buku yang boleh membantu sesama manusia ini. Perkongsian ilmu dan pengalaman ini adalah bertunjangan kepada kewajipan saya menyebarkan ilmu kepada mereka yang memerlukan, sebagai satu pengetahuan dan pengajaran kepada kita semua.

Sokongan dari pihak penerbit untuk menerbitkan buku karya saya ini juga saya ucapkan jutaan terima kasih, dan semoga hubungan yang terbina ini akan membuka lagi peluang yang cerah dalam menyebarkan ilmu ciptaan Allah ini. Tujuan menulis buku ini adalah untuk memenuhi tanggungjawab saya sebagai seorang manusia yang lemah, yang mempunyai sedikit ilmu dan sedia berkongsi pengetahuan ini dengan sesiapa sahaja.

Akhirnya, doakanlah kejayaan saya yang tidak terhingga pada masa sekarang ini, dan juga masa akan datang, dalam membantu sesama manusia, dari pelbagai aspek kehidupan, kerana pasti ianya akan membawa kepada keberkatan hidup yang melimpah ruah. Saya percaya, kita semua adalah insan yang memang berpotensi untuk meneruskan kehidupan dengan segala kebaikan yang ada dalam diri. Fikirkan, renungkan dan hayatilah kehidupan ini dengan penuh makna dalam pengertian sebuah yang terindah, bahagia dan juga sejahtera.

“Keimanan, kesihatan, kekayaan, kebebasan, kemudahan, dan ilmu pengetahuan adalah intisari dari apa yang ingin diraih oleh orang yang berakal. Dan sedikit sekali hal itu dapat terkumpul secara serentak”.

“Kepedihan dalam mencapai cita-cita adalah nikmat, keletihan dalam mewujudkan obsesi adalah ketenangan, peluh kerana kerja adalah pwangi, dan pujian yang baik adalah wewangian yang semerbak”.

“Ilmu adalah pendamping dalam kesendirian, kawan dalam keterasingan, pengiring di kala sepi, petunjuk kepada jalan kebenaran,

penolong dalam kesempitan, dan tabungan kebaikan untuk kehidupan setelah mati”.

Semoga dengan kata-kata hikmah itu akan membuka sejuta kesadaran dalam diri kita demi membina sebuah kehidupan yang penuh dengan ilmu, serta menjadi satu sumber yang baik dalam memperolehi kesejahteraan hidup. Kebahagiaan hidup dan kesejahteraan luaran serta dalaman diri kita merupakan satu kekuatan yang akan membawa kita kepada sejuta kebaikan sepanjang hayat kita semua.

Terima kasih semua, dan semoga kita sentiasa dalam rahmatNya.
Aminn.

Sambutlah salam Ukhwah Islamiyyah dari saya.

AMRAN HASSAN (K.B,P.A)
SEREMBAN 2, VISION HOMES
(amraning@gmail.com)

PRAKATA

Konflik merupakan sesuatu yang sentiasa akan datang dalam kehidupan setiap manusia. Semuanya bergantung kepada manusia itu, sama ada mahu melaksanakan dengan cara yang baik, atau buruk. Kejayaan anda dalam menghadapi konflik akan memberikan sesuatu yang memberangsangkan dalam jangka masa panjang, dan kegagalan juga akan mengundang perkara yang sama. Apa yang harus kita ingat, dan persoalkan dalam diri kita ialah setakat mana kita mampu menghadapi konflik yang melanda dalam diri kita ini? Benarkah konflik ini akan lebih banyak menghancurkan diri kita, berbanding dengan membina diri dan membawa kepada kematangan hidup? Inilah hakikat pemikiran rasional yang wajar kita tanam dalam diri berasaskan kepada penghadapan kita pada satu jalan yang lurus.

Buku karya ini juga diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar pengurusan, sosial dan juga kemanusiaan serta kemasyarakatan, pelajar-pelajar psikologi yang mengambil subjek berkaitan dengan konflik atau juga berhampiran dengan subjek ini. Dalam pada itu juga, buku ini boleh digunakan oleh Doktor Perubatan, Psikologis, Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Tadbir, Kaunselor, Guru Kaunseling, dan sesiapa sahaja yang merasakan ilmu ini berguna untuk mereka. Semoga ilmu yang dikongsikan ini akan dapat digunakan dalam situasi dan keadaan yang melibatkan konflik sama ada melibatkan diri sendiri atau juga orang lain.

Bab 1 dalam buku ini menerangkan tentang konsep dan juga pengertian utama tentang konflik yang melanda seseorang manusia, sama ada melibatkan konflik yang dijangkakan atau juga konflik yang tidak dijangkakan. Semuanya bergantung kepada beberapa faktor-faktor tertentu dalam menentukan perjalanan konflik itu secara yang lebih baik atau juga sebaliknya. Bab ini turut menerangkan tentang beberapa konflik yang dijangkakan iaitu kehebatan pemikiran pemimpin, pergaduhan rumah tangga, dan juga politik di sesebuah organisasi. Di samping itu, konflik yang tidak dijangkakan pula melibatkan kehibaian dan juga kejayaan seseorang terhadap sesuatu perkara yang melanda secara tiba-tiba atau juga sebaliknya.

Bab 2 pula menyentuh tentang mengapa berlakunya sesuatu konflik, dan juga punca-punca konflik yang melibatkan dalaman individu, atau juga luaran dan faktor persekitaran. Faktor-faktor

ini menyumbang kepada konflik yang dialami oleh seseorang manusia, sama ada secara rasional atau juga tidak rasional. Namun, pengawalan dalam diri serta tidak mengambil konflik ini sebagai satu isu yang serius akan menjadikan seseorang manusia itu lebih matang dan sabar menghadapi dugaan hidup pada masa sekarang ini atau juga pada masa akan datang.

Bab 3 berkaitan dengan isu konflik yang berlaku pada masa kini. Keadaan konflik itu mungkin berlaku di tempat kerja, atau juga sesebuah organisasi sama ada melibatkan sebuah organisasi yang besar dan juga kecil. Begitu juga dengan konflik yang melibatkan kekeluargaan, konflik kemasyarakatan, konflik gender (jantina), dan juga konflik di zaman awal remaja yang melibatkan keadaan akil baligh. Semua ini adalah berkenaan dengan suatu konflik yang sentiasa berlaku pada masa ini, dan sangat signifikan dengan keadaan semasa.

Bab 4 pula melibatkan contoh-contoh konflik yang melanda berasaskan kepada tajuk-tajuk konflik pada bab sebelumnya. Masing-masing boleh menyumbang kepada keadaan individu untuk menjadi lebih baik atau juga menjadi tidak baik. Dalam bahasa yang lebih senang, berjaya atau juga tewas dengan konflik yang melanda itu. Nama individu yang digunakan itu sebenarnya adalah rekaan semata-mata, kerana berpegang dengan etika kerahsiaan sebagai seorang Kaunselor. Cerita dan kes-kes yang diutarakan juga berasaskan kepada pengalaman sebagai Kaunselor selama hampir 10 tahun ini, dan disesuaikan berasaskan kepada isu-isu yang tidak terlalu sensitif dan mengancam mana-mana pihak. Apa yang wajib saya rahsiakan adalah saya rahsiakan, dan tidak boleh didedahkan kepada khalayak ramai. Cuma, kes-kes contoh ini adalah sebagai rujukan dan panduan sahaja kepada pembaca yang membacanya untuk diasaskan dalam diri dalam menghadapi sebarang konflik. Realiti masyarakat kita adalah sedemikian rupa, dan wajarkah kita hanya berdiam diri dengan tidak melakukan sesuatu untuk mengubah dan memperbaiki keadaan yang semakin buruk dan teruk ini. Sama-samalah kita membuka jalan kebaikan secara bersama demi masa depan masyarakat dan negara kita.

Bab 5 menyentuh pula cara-cara menanganinya, dalam menghadapi konflik yang melanda diri kita iaitu sama ada menarik diri, berhadapan, beralah, memaksa dan juga berpakat. Kesemua cara ini akan membantu kepada kehidupan kita yang lebih baik, dan mengembangkan kehidupan kita dalam mencari erti hidup yang sebenar. Wajarkah kita menghancurkan diri kita sendiri dengan melamparkan diri kita ke dalam arus yang memusnahkan? Di manakah nilai dan pegangan kita sebagai seorang manusia yang mulia dan

mempunyai jalan yang terbaik dalam membuat pilihan dalam alam maya ini? Kesemua ini haruslah kita renungkan dan fikirkan untuk memastikan bahawa sepanjang hidup kita disulami dengan sesuatu yang memberangsangkan.

Akhir sekali ialah bab 6 atau juga bab penutup dan kesimpulan di atas segala isu konflik yang dibincangkan, yang meliputi semua bab awal hingga akhir. Namun, bab-bab ini adalah disesuaikan dengan keadaan dan isu semasa dalam menjadikan seseorang individu berfikiran lebih matang dan rasional sepanjang berlakunya sesuatu konflik itu. Apa yang penting bagi kita semua ialah kesedaran dalaman dan juga luaran serta menjadikan kehidupan kita ini lebih ceria dan gembira sama ada mempunyai konflik atau tidak. Kejayaan kita dalam menangani konflik akan membuka seribu kejayaan lain lagi, pada masa akan datang.

Selamat membaca.

